

**PROSEDUR OPERASI STANDARD  
AKTIVITI PERIKANAN REKREASI KELAUTAN  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
PEMULIHAN (PKPP)**

**1. LATAR BELAKANG**

'Aktiviti Perikanan Rekreasi Kelautan' ditakrifkan sebagai aktiviti menangkap ikan di perairan kelautan menggunakan joran atau kail-mengail untuk tujuan kesukanan, riadah, hiburan serta untuk mendapatkan ketenangan dan kepuasan diri.

**2. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

- i. Bot Nelayan (membawa pemancing) yang telah mendapat Surat Kebenaran Penggunaan Bot Nelayan Sebagai "Sport Fishing" oleh Jabatan Laut Malaysia dan dalam tempoh sah lesen;
- ii. Pemilik bot kategori pelbagai (Kategori X) kecuali kategori tunda (T), penumpang (P) dan kargo (K) yang dalam tempoh sah lesen;
- iii. Pemancing (individu warganegara Malaysia sahaja) digalakkan berumur antara 18 tahun sehingga kurang daripada 60 tahun;
- iv. Kelulusan operasi dan kapasiti penumpang adalah tertakluk kepada arahan semasa Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan dan masa ke semasa;
- v. Garis Panduan ini berkuatkuasa pada **11 Jun 2020**.

**3. GARIS PANDUAN**

- 3.1. Pemilik vesel hendaklah membuat permohonan kepada Pejabat Perikanan Negeri berhampiran dengan mengemukakan :
  - a. Salinan Kad Pengenalan Pemilik bot

- b. Salinan lesen atau surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia bagi membawa penumpang
- 
- 3.2. Setiap pemancing dibenarkan membawa maksimum tiga (3) joran sahaja dalam satu – satu masa. Peralatan selain dari joran adalah tidak dibenarkan dibawa di atas vesel;
  - 3.3. Tempoh masa yang dibenarkan adalah daripada jam 6.00 pagi sehingga 7.00 petang sahaja;
  - 3.4. Kawasan yang dibenarkan adalah di dalam perairan perikanan Malaysia kecuali di perairan kelautan yang diwartakan sebagai kawasan larangan penangkapan ikan atau taman laut atau kawasan larangan dibawah mana-mana Akta di Malaysia;
  - 3.5. Aktiviti penangkapan ikan rekreasi kelautan ini bukan tujuan sara diri atau komersial;
  - 3.6. Garis Panduan ini tidak terpakai kepada mana – mana individu yang menjalankan aktiviti perikanan rekreasi di kawasan muara sungai atau menggunakan kayak atau rakit atau apa selain yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini di mana ia tertakluk kepada arahan semasa Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan;
  - 3.7. Tanggungjawab Pemilik bot
    - i. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan pemancing serta lain-lain perkara sepanjang aktiviti dijalankan;
    - ii. Merekod suhu semua yang terlibat disebelum serta mengambil butiran penumpang meliputi nama penuh dan nombor telefon di dalam buku log pergerakan operasi serta merekod masa dan

tarikh operasi setiap masa. Digalakkan memakai topeng muka setiap masa;

- iii. Memastikan mana-mana orang yang bergelaja tidak terlibat di dalam aktiviti dijalankan;
- iv. Memastikan penjarakan sosial satu (1) meteri sebelum menaiki bot, memastikan penjarakan sosial terbaik dilaksanakan sepanjang masa di atas bot dan ketika keluar daripada bot;
- v. Tidak membawa pemancing melebihi had yang dibenarkan;
- vi. Wajib menyediakan dan penggunaan had sanitiser berasaskan alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun;
- vii. Mewajibkan pembersihan dan sanitasi kepada bot setelah aktiviti selesai tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- viii. Semua rekod berkaitan hendaklah disimpan dengan baik sekurang-kurangnya enam (6) bulan bagi tujuan pemantauan; dan
- ix. Had maksimum orang yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti adalah 50% daripada kapasiti penumpang yang dibenarkan

### 3.8. Tanggungjawab Pemancing

- i. Memberikan kerjasama dalam diambil suhu badan dan mengemukakan maklumat kepada yang diperlukan kepada pemilik bot;

- ii. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri dan mematuhi semua arahan yang ditetapkan pemilik bot dan panduan umum Kementerian Kesihatan Malaysia serta lain-lain perkara sepanjang aktiviti dijalankan;
- iii. Memastikan mana-mana orang yang bergelaja turut tidak terlibat di dalam aktiviti dijalankan; dan
- iv. Memastikan penjarakan sosial terbaik dilaksanakan sepanjang masa di atas bot;

#### **4. KEGAGALAN MEMATUHI PROSEDUR YANG DITETAPKAN DAN LAIN –LAIN PERKARA**

Kegagalan untuk mematuhi SOP boleh membawa kepada tindakan undang-undang, penarikan balik kebenaran beroperasi atau apa-apa tindakan yang berkaitan. Kerajaan, melalui kerjasama antara Kementerian Kesihatan, PDRM, dan lain-lain badan penguatkuasa akan membuat pemantauan dan penguatkuasaan dalam usaha memastikan SOP dipatuhi. Semua pihak diingatkan untuk memastikan sentiasa berhubung dengan badan Kerajaan seliaan yang bertanggungjawab untuk sebarang perkembangan terkini.

Sekiranya pemilik bot didapati mengemukakan maklumat yang tidak benar atau menyalahgunakan surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk apa jua perkara selain yang dibenarkan, surat pengesahan tersebut akan dibatalkan serta merta dan pemilik bot boleh dikenakan tindakan selaras dengan peruntukan undang-undang.